

KATA GANDA

Isi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai.

- 1 Petani memasang \_\_\_\_\_ di tengah sawah untuk menakutkan burung.
  - A kisi-kisi
  - B orang-orang
  - C tupai-tupai
  - D layang-layang
  
- 2 Pawagam menjadi \_\_\_\_\_ setelah lampu dipasang menandakan filem telah selesai ditayangkan.
  - A riuh-rendah
  - B gelap-gelita
  - C porak-peranda
  - D terang-benderang
  
- 3 Baju Jaswan Singh \_\_\_\_\_ kerana terkena warna air ketika menyertai aktiviti mewarna.
  - A comot-momot
  - B koyak-rabak
  - C serba-serbih
  - D compang-camping
  
- 4 Ideanya telah ditolak \_\_\_\_\_ oleh majikannya.
  - A hidup-hidup
  - B bulat-bulat
  - C betul-betul
  - D terang-benderang
  
- 5 Pak Chee suka makan sup \_\_\_\_\_ ikan.
  - A bebola
  - B jejari
  - C dedaun
  - D kekabu



- 6 Mereka ketawa \_\_\_\_\_ apabila menonton filem komedi lakonan Tan Sri P. Ramlee.
- A teresak-esak
  - B terkebil-kebil
  - C terbahak-bahak
  - D tergelak-gelak
- 7 Kemalangan sering berlaku di jalan yang \_\_\_\_\_ itu.
- A berkelip-kelip
  - B berpinar-pinar
  - C berderet-deret
  - D berliku-liku
- 8 Bantal yang berisi \_\_\_\_\_ amat lembut sekali.
- A dedaun
  - B kekabu
  - C bebola
  - D bebiri
- 9 Ayah menyapu \_\_\_\_\_ kering yang gugur dari pohon manggis itu.
- A dedaun
  - B kekabu
  - C bebola
  - D bebiri
- 10 Keadaan menjadi \_\_\_\_\_ apabila sebuah pesawat merempuh bangunan pencakar langit itu.
- A haru-biru
  - B keluh-kesah
  - C kusut-masai
  - D tunggang-langgang

- 11 Sereena membalut hadiah itu \_\_\_\_\_.
- A kemas-kemas
  - B ketat-ketat
  - C kuat-kuat
  - D erat-erat
- 12 Sebilangan besar murid sekolah itu mengalami \_\_\_\_\_ akibat keracunan makanan.
- A lemah-longlai
  - B lemah-gemalai
  - C hiruk-pikuk
  - D cirit-birit
- 13 Sheela menangis \_\_\_\_\_ apabila menyedari cintanya terhadap pemuda itu tidak berbalas.
- A tercungap-cungap
  - B terbahak-bahak
  - C teresak-esak
  - D tersipu-sipu
- 14 Setiap hari kami terpaksa \_\_\_\_\_ di kawasan perkuburan itu kerana jalan itu merupakan jalan pintas.
- A ulang-alik
  - B bolak-balik
  - C mundar-mandir
  - D lalu-lalang
- 15 Daerah Kuala Kangsar terkenal dengan penghasilan \_\_\_\_\_ Sayong yang digunakan untuk menyimpan air minuman.
- A kekuda
  - B sesiku
  - C kekisi
  - D lelabu
- 16 Berbasikal secara \_\_\_\_\_ di jalan raya boleh mengundang kemalangan.
- A bersaing-saing
  - B berbaris-baris
  - C berluncur-luncur
  - D berderet-deret

- 17 Banyak \_\_\_\_\_ rendang yang ditahan di kawasan rekreasi itu.
- A dedahan
  - B pepohon
  - C dedaun
  - D reranting
- 18 Ada sebuah busut \_\_\_\_\_ di bawah pokok ketapang itu.
- A jentik-jentik
  - B pijat-pijat
  - C anai-anai
  - D kura-kura
- 19 Keluarga Encik Zain seronok \_\_\_\_\_ di kawasan air terjun yang popular itu.
- A ulang-alik
  - B lalu-lalang
  - C mundar-mandir
  - D mandi-manda
- 20 Muka Aliyah menjadi \_\_\_\_\_ apabila diusik oleh rakan-rakannya.
- A kebiru-biruan
  - B kemalu-maluan
  - C keanak-anakan
  - D kemerah-merahan
- 21 Rancangan itu dilakukan secara \_\_\_\_\_ sehingga tiada sesiapa pun yang mengetahuinya.
- A lambat-laun
  - B sorok-sorok
  - C senyap-senyap
  - D sayup-sayup
- 22 Rambut budak lelaki itu kelihatan \_\_\_\_\_ kerana tidak disisir.
- A kusut-masai
  - B serba-serbih
  - C comot-momot
  - D compang-camping

- 23 Polis telah \_\_\_\_\_ tembakan dengan perompak dalam insiden rompakan kedai emas kelmarin.
- A bertukar-tukar
  - B berhujah-hujah
  - C berbalas-balas
  - D berganti-ganti
- 24 Aiman lari \_\_\_\_\_ melarikan diri apabila dikejar seekor anjing liar.
- A riuh-rendah
  - B lintang-pukang
  - C kumat-kamit
  - D lalu-lalang
- 25 Pengusaha kantin menjadi \_\_\_\_\_ apabila penyelia kesihatan membuat pemeriksaan kebersihan.
- A huru-hara
  - B remeh-temeh
  - C kelam-kabut
  - D kacau-bilau
- 26 Pendapat pemuda itu telah ditolak \_\_\_\_\_ oleh majikannya.
- A mentah-mentah
  - B senang-senang
  - C semua-semua
  - D betul-betul
- 27 Adik berjalan \_\_\_\_\_ ke sekolah kerana kakinya terseliuh akibat terjatuh dari tangga semalam.
- A terkial-kial
  - B tersekat-sekat
  - C terhuyung-hayang
  - D terhincut-hincut
- 28 Saya suka \_\_\_\_\_ di pasar raya Jaya Jusco
- A berulang-alik
  - B meliang-liuk
  - C bersiar-siar
  - D membeli-belah

- 29 Dedaun kelapa \_\_\_\_\_ ditiup angin sepoi-sepoi bahasa.
- A berkibar-kibar
  - B meliang-liuk
  - C bersiar-siar
  - D membeli-belah
- 30 Kilang simen itu mengeluarkan \_\_\_\_\_ asap ke udara.
- A bergumpal-gumpal
  - B bersimpul-simpul
  - C berkepul-kepul
  - D berketul-ketul
- 31 Adi memeluk pinggang ayahnya \_\_\_\_\_ ketika membonceng motorsikal ayahnya.
- A erat-erat
  - B dekat-dekat
  - C betul-betul
  - D diam-diam
- 32 Hal yang \_\_\_\_\_ tidak sepatutnya dibincangkan dalam mesyuarat tadi.
- A hangar-bingar
  - B kucar-kacir
  - C dolak-dalik
  - D remeh-temeh
- 33 Pakaian di dalam mesin basuh itu \_\_\_\_\_ ketika dicuci.
- A berketul-ketul
  - B berbonggol-bonggol
  - C bergumpal-gumpal
  - D bersimpul-simpul
- 34 Menjelang pilihan raya yang ke-12, orang ramai \_\_\_\_\_ keluar untuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh calon-calon yang bertanding.
- A berhimpit-himpit
  - B berpusu-pusu
  - C berebut-rebut
  - D berbaris-baris

- 35 Pembalakan haruslah dijalankan secara terancang supaya \_\_\_\_\_ tidak kelihatan gondol.
- A rumput-rumpai
  - B gunung-ganang
  - C semak-samun
  - D bukit-bukau
- 36 Tangan datuk \_\_\_\_\_ akibat daripada menghidap penyakit Parkinson.
- A terketar-ketar
  - B tergil-ggil
  - C termangu-mangu
  - D terkial-kial
- 37 Wajah Intan Suraya \_\_\_\_\_ apabila mendapat hadiah sempena hari jadinya yang ke-14.
- A berseri-seri
  - B berkilau-kilau
  - C berpinar-pinar
  - D bersinar-sinar
- 38 Jalur Gemilang kelihatan \_\_\_\_\_ apabila ditiup angin.
- A berbuai-buai
  - B berkibar-kibar
  - C bergoyang-goyang
  - D bergerak-gerak
- 39 Muka petinju itu \_\_\_\_\_ akibat tumbukan pihak lawan.
- A calar-balar
  - B bengkak-bengkil
  - C comot-momot
  - D bengkang-bengkok
- 40 Samira \_\_\_\_\_ dilanggar kereta ketika sedang melintas jalan raya yang sibuk itu.
- A dekat-dekat
  - B kadang-kadang
  - C nyaris-nyaris
  - D hampir-hampir

- 41 Operasi mencari dan menyelamatkan nahas helikopter telah diserahkan kepada pasukan Renjer kerana mereka lebih mengetahui \_\_\_\_\_ hutan simpan itu.
- A simpang-siur
  - B selok-belok
  - C lekak-lekuk
  - D hiruk-pikuk
- 42 Persahabatan kami tetap erat walaupun kami tinggal berjauhan kerana kami sering \_\_\_\_\_.
- A pandang-memandang
  - B jelling-menjeling
  - C tegur-menegur
  - D kunjung-mengunjungi
- 43 Suasana \_\_\_\_\_ di stadium itu jelas kedengaran tatkala wisel penamat ditiupkan.
- A huru-hara
  - B hiruk-pikuk
  - C kacau-bilau
  - D kucar-kacir
- 44 Tangisan pilu mangsa kekejaman Zionis itu masih \_\_\_\_\_ di telinga.
- A terngiang-ngiang
  - B teringat-ingat
  - C berbisik-bisik
  - D berdering-dering
- 45 Kami masih dapat melihat kilauan permata itu walaupun dalam cahaya yang \_\_\_\_\_.
- A pinar-pinar
  - B balam-balam
  - C samar-samar
  - D suram-suram
- 46 Encik Bala berjalan \_\_\_\_\_ di hadapan bilik bersalin ketika menanti kelahiran anak sulungnya.
- A ulang-alik
  - B lintang-pukang
  - C mundur-mandir
  - D kelam-kabut



- 47 Kemunculan seekor tikus dari celah pintu itu telah menyebabkan suasana \_\_\_\_\_ di kelas 6 Teratai.
- A hangar-bingar
  - B gundah-gulana
  - C jerit-pekik
  - D tunggang-langgang
- 48 \_\_\_\_\_ muka adik menahan kesakitan akibat terjatuh dari basikalnya.
- A Bermuka-muka
  - B Berpinar-pinar
  - C Berkedut-kedut
  - D Berkerut-kerut
- 49 Pertahanan pasukan Perak \_\_\_\_\_ akibat daripada asakan bertubi – tubi pasukan lawan.
- A hiruk-pikuk
  - B kucar-kacir
  - C kacau-bilau
  - D haru-biru
- 50 Puan Kumari menggunakan \_\_\_\_\_ yang diimport khas dari India untuk melazatkan masakannya.
- A beras-petas
  - B kuih-muih
  - C rempah-ratus
  - D sayur-mayur
- 51 Selepas mandi, dia mengenakan \_\_\_\_\_ pada badannya agar harum.
- A bunga-bunga
  - B ubat-ubatan
  - C biji-bijian
  - D bau-bauan

- 52 Guruh berdentum, kilat \_\_\_\_\_ menandakan hujan lebat akan turun membasahi bumi.
- A sabung-menyabung
  - B sapa-menyapa
  - C tolak-menolak
  - D cuit-mencuit
- 53 Kakak tidak dapat tidur lena di rumah nenek kerana asyik terdengar bunyi \_\_\_\_\_ buah mangga yang gugur.
- A letuk-letak
  - B lepak-lepak
  - C lesuk-lesak
  - D letung-letang
- 54 Ibu mengusap \_\_\_\_\_ adik yang masih merah dengan penuh kasih sayang.
- A mata-mata
  - B rambut-rambut
  - C ubun-ubun
  - D tulang-tulang
- 55 Keluarga yang \_\_\_\_\_ merupakan salah satu daripada faktor penyebab remaja menghadapi masalah sosial.
- A huru-hara
  - B hangar-bingar
  - C gundah-gulana
  - D porak-peranda
- 56 Dari jauh kelihatan sebuah kapal \_\_\_\_\_ di tengah lautan.
- A berbalam-balam
  - B berbelang-belang
  - C berbalun-balun
  - D berlalu-lalang
- 57 Skru besar itu tidak dapat digunakan kerana \_\_\_\_\_ nya sudah haus.
- A sesendi
  - B bebenang
  - C kekuda
  - D kekisi

- 58 Suatu ketika dulu, feri “Gadis Langkasuka” \_\_\_\_\_ dari Pulau Pinang ke Medan, Indonesia.
- A lalu-lalang
  - B mundar-mandir
  - C bolak-balik
  - D lintang-kedak
- 59 Sampan kecil di laut itu kelihatan \_\_\_\_\_ apabila dipukul ombak.
- A terhuyung-hayang
  - B terkapai-kapai
  - C terapung-apung
  - D terolang-aling
- 60 Badan peserta – peserta Program Latihan Khidmat Negara \_\_\_\_\_ kerana meredah belukar.
- A calar-balar
  - B pucat-lesi
  - C koyak-rabak
  - D comot-momot

JAWAPAN PENGGANDAAN

BIL	JAWAPAN	BIL	JAWAPAN	BIL	JAWAPAN
1	B	21	C	41	B
2	D	22	A	42	D
3	A	23	C	43	B
4	B	24	B	44	A
5	A	25	C	45	C
6	C	26	A	46	C
7	D	27	D	47	A
8	B	28	D	48	D
9	A	29	B	49	B
10	A	30	C	50	C
11	A	31	A	51	D
12	D	32	D	52	A
13	C	33	C	53	B
14	D	34	B	54	C
15	D	35	D	55	D
16	A	36	A	56	A
17	B	37	A	57	B
18	C	38	B	58	C
19	D	39	B	59	D
20	D	40	C	60	A